

From: CEDI
Sent: Selasa, 26 September 2017 4:49 ptg
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Cc: Dr. Mohd Najib Bin Mansor; Jauriyah bt. Shamsuddin
Subject: 8 ORANG PELAJAR PRAKTIKUM TAMAT MENJALANI LATIHAN PEMBANGUNAN USAHAWAN FOODTRUCK



3 Julai 2017 / 9 Syawal 1438 Hijrah

=====
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

8 ORANG PELAJAR PRAKTIKUM TAMAT MENJALANI LATIHAN PEMBANGUNAN USAHAWAN FOODTRUCK



CEDI Online : Seramai lapan (8) orang pelajar praktikum CEDI dibawah Program Pembangunan Usahawan Gourmet On Wheel (GOW) telah berjaya menamatkan program tersebut melalui sesi pembentangan laporan akhir program yang diadakan pada 25 Mei 2017 yang lepas .

Program yang juga dikenali sebagai program pembangunan usahawanan trak makanan ataupun 'foodtruck' ini merupakan program keusahawanan berstruktur yang dijalankan secara berfasa bermula pada Oktober 2016 lalu.

Trend perniagaan trak makanan di Malaysia semakin popular dan telah menarik minat ramai usahawan terutamanya usahawan muda untuk meneroka kaedah perniagaan tersebut. Sambutan daripada pelanggan juga cukup positif dan amat menggalakkan.

Faktor utama yang menjadi tarikan para usahawan ialah perniagaan ini amat mudah dikendalikan dengan beralih ke lokasi lebih strategik jika tiada pelanggan di lokasi tetap dan tidak perlu bersusah payah mengangkut barangan perniagaan setiap hari. Selain itu, pulangan daripada perniagaan ini juga sangat lumayan.

Melihat kepada potensi kaedah perniagaan ini, pihak CEDI dengan kerjasama tenaga akademik UUM telah memperkenalkan satu program iaitu program GOW ataupun program pembangunan usahawan 'foodtruck' kepada pelajar UUM. Pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) juga telah memberi sokongan dengan memberi suntikan dana untuk pelaksanaan program ini.

Pelajar yang menyertai program ini telah melalui beberapa fasa iaitu pendedahan keusahawanan, latihan fizikal, latihan modul keusahawanan dan latihan industri. Program yang dilaksanakan selama setahun ini diakhiri dengan sesi pembentangan laporan akhir program dan pembentangan *Business Model Canvas (BMC)* yang telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama CEDI.

Pembentangan laporan ini diadakan bagi melihat perkembangan dan impak setelah mengikuti program ini. Terdapat empat (4) aspek utama yang dilihat iaitu aspek pengetahuan, kemahiran, personaliti dan komunikasi sebelum dan selepas mengikuti program ini. Bagi pembentangan *BMC* pula, ianya bertujuan untuk melihat idea perniagaan yang ingin diceburi oleh pelajar selepas menjalani latihan dengan mentor industri.

Sesi pembentangan telah dinilai oleh tiga orang pegawai daripada Perbadanan Nasional Berhad (PNS) iaitu En. Azizam Ramli, En. Mohd. Fuad Halim dan Pn. Fatiyah Saaidin serta Timbalan Pengarah CEDI, Dr. Jauriyah Shamsuddin.

Pihak PNS sangat berpuas hati dengan sesi pembentangan yang dilakukan oleh pelajar dan telah memberi sedikit sebanyak input dan idea dalam membina perniagaan yang ingin diceburi nanti. Mereka juga turut mendedahkan beberapa jenis bantuan yang disediakan oleh pihak PNS kepada usahawan.

Turut hadir ialah, En. Mohd. Nordin Jafri iaitu mentor industri dari Koperasi Usahawan Groom Big Perlis Berhad dan mentor akademik daripada UUMCOB.

Rata-rata pelajar telah menunjukkan perkembangan yang amat menggalakkan dan telah menunjukkan minat yang tinggi untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan setelah tamat pengajian kelak.

Tamat.

=====

DARIPADA:
INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010, SINTOK, KEDAH
TEL : 604 - 928 4871
FAKS : 604 - 928 4909
EMAIL : cedi@uum.edu.my



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.